

Singapura perlu tolak ansur: Mahathir

BH 14 MAR 2000

JOHOR BAHRU, Isnin – Singapura perlu bersedia bertolak ansur dalam rundingan pakej penyelesaian pelbagai perkara yang membatitkan hubungan dua hala dengan Malaysia, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, Malaysia sentiasa sedia bertolak ansur dalam menggunakan pakej penyelesaian itu, yang kini dilaporkan belum dapat diselesaikan walaupun selepas beberapa sesi perbincangan.

“Susahlah jika hanya meminta Malaysia bertolak ansur tetapi sebelah pihak lagi tidak berbuat demikian,” katanya selepas merasmikan Persidangan dan Pameran Antarabangsa Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) 2000, di sini hari ini.

Pakej penyelesaian hubungan Malaysia-Singapura, yang kini terganah, antara lain membatitkan isu pengeluaran caruman Kumpulan Wang Simpanan Pusat Singapura (CPF) bagi rakyat Malaysia, bekalan air, tanah dan stesen keretapi milik Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) di Tanjong Pagar.

Dr Mahathir turut menafikan dakwaan Menteri Luar Singapura, S Jayakumar bahawa kelewatan mencari jalan penyelesaian mengenai perkara membatitkan hubungan dua hala itu, disebabkan kesibukan Malaysia menghadapi pemilihan Umno.

Sambil menegaskan, pemilihan parti tiada kena mengena dengan kelewatan mencari jalan penyelesaian itu, Perdana Menteri memberikan contoh isu CPF yang berlarutan sekian lama walaupun ketika tiada pemilihan Umno.

“Masalah isu CPF mudah, kita cuma minta bila rakyat kita sudah berhenti bekerja di sana, kita boleh ambil balik duit kita.

“Ini adalah amalan kita juga, kalau rakyat Singapura bekerja di Malaysia dan balik ke negaranya, dia boleh ambil duit dia. Begitu juga orang Sarawak dan Sabah yang bekerja di Singapura, bila dah berhenti, dia balik ke Sabah dan Sarawak dan boleh ambil balik duit dia.

“Tetapi apa yang menghairankan kita ialah kenapa orang Semenanjung yang bekerja di Singapura tidak boleh keluarkan duit itu,” katanya.

Mengenai isu stesen KTMB yang perlu dipindahkan dalam tempoh lima tahun seperti ditetapkan oleh Singapura pada Februari 1996, Dr Mahathir berkata, kerajaan masih mengadakan rundingan dengan republik itu.

Bagaimanapun, beliau tidak dapat memastikan sama ada rundingan itu dapat memperolehi penyelesaian dalam tempoh setahun ini.

“Ini kerana sebarang penyelesaian yang dikemukakan oleh kerajaan Malaysia bergantung dan berkait dengan perkara lain dan ia bukan satu penyelesaian berasingan.

“Ia akan diselesaikan secara pakej dan masalah (pemindahan stesen dan tanah KTMB) itu memerlukan banyak pertimbangan membatitkan isu lain dalam hubungan dua hala ini,” katanya.